

Headline	25,000 daftar haji setiap bulan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	23	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	340 cm <sup>2</sup>
Journalist	shofi.isa@utusan.com.my	AdValue	RM 6,720
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,160



# Tabung Haji terus memberi subsidi kepada jemaah haji 25,000 daftar haji setiap bulan

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA

shofi.isa@utusan.com.my

**TEMERLOH** 10 Julai - Lebih 25,000 umat Islam di negara ini berdaftar dengan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) pada setiap bulan untuk menunaikan ibadat berkenaan.

Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin berkata, pen-daftaran yang semakin meningkat itu menjadikan sebanyak 1.5 juta umat Islam telah berdaftar dengan Tabung Haji sehingga kini.

"Bagaimanapun hanya 25,000 jemaah dari negara ini yang diber-narkan oleh kerajaan Arab Saudi untuk menunaikan haji pada setiap tahun."

"Untuk itu, Tabung Haji mem-beri jaminan mereka yang belum menunaikan haji terutama warga emas akan diberi keutamaan bagi menunaikan ibadah itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Sumbangan Zakat Ehsan Tabung Haji peringkat negeri di Masjid Abu Bakar Temer-loh di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Tabung Haji negeri, Datuk Mohyen Mosman.

Pada majlis itu sebanyak 284 penerima terdiri daripada golongan asnaf dan fakir miskin di daerah ini menerima sumbangan RM500 setiap seorang yang keseluruhan-nya berjumlah RM142,000.

Abdul Shukor berkata, biarpun kos sebenar ibadat itu meningkat setiap tahun, Tabung Haji terus memberi subsidi kepada para je-mah bagi mengekalkan bayaran haji pada RM9,980 seorang.

Beliau berkata, Tabung Haji me-nanggung subsidi RM6,175 setiap seorang jemaah untuk mengekal-kan bayaran haji itu yang sepa-tutnya berjumlah RM16,155 seorang jika tiada subsidi diberikan.

"Untuk musim haji tahun ini, Tabung Haji dijangka menang-gung keseluruhan kos haji melebihi RM130 juta.

"Pemberian subsidi ini merupakan kebaikan terbesar Tabung Haji untuk bakal jemaah haji di negara ini untuk memastikan mereka terus menikmati segala kemudahan disediakan dengan selesa walaupun peningkatan kos sebenar haji ada-lah tinggi," katanya.



ABDUL Shukor Husin (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada Syarifah Aliah Syed Salim, 65, (duduk) dengan disaksikan Mohyem Mosman (kanan) pada Majlis Sumbangan Zakat Program Ehsan TH di Masjid Abu Bakar, Temerloh, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN